



**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PERKHIDMATAN *E-PHARMACY*
DALAM
*ONLINE HEALTHCARE SERVICES***

Tarikh Kelulusan	1 November 2022
Tarikh Penguatkuasaan	1 November 2022

**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI
PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**LOT 36, JALAN PROF DIRAJA UNGKU AZIZ,
46200 PETALING JAYA, SELANGOR
TEL: 03-78413200
FAKS: 03-7968222**

LAMAN SESAWANG: <https://www.pharmacy.gov.my/>

Edisi Pertama, 2022

© Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA

No Siri Penerbitan KKM: MOH/S/FAR/66.22(GU)-e

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau diedarkan dalam apa-apa bentuk atau cara, disimpan dalam pangkalan data atau sistem, atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman pita atau lain- lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Garis panduan ini juga dimuatnaik dalam laman sesawang rasmi Program Perkhidmatan Farmasi seperti pautan di atas.

Sebarang pertanyaan berkenaan garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Telefon : (603) 7841 3200

Faks : (603) 7968 2222

Laman sesawang : <https://www.pharmacy.gov.my/>

ISI KANDUNGAN

I Penghargaan	4
II Visi, Misi, Objektif Bahagian Penguatkuasaan Farmasi	5
1. Pengenalan	
1.1.1 E-Preskripsi	6-8
1.1.2 Preksripsi Fizikal	
1.1.3 Racun Kumpulan C	
2. Objektif	8-9
3. Skop	9
4. Undang-Undang, Pekeliling Dan Garis Panduan Yang Dikuatkuasakan	9-10
5. Terminologi	10-12
6. Prasyarat Kepada Penyedia Platform <i>E-Pharmacy</i>	12-13
7. Keperluan Operasi Platform	13-15
8. Keperluan dalam Perkhidmatan <i>E-Pharmacy</i>	16-20
9. Proses Kerja, Tanggungjawab Dan Carta Alir	
9.1 E-Preskripsi	20-25
9.2 Preskripsi Fizikal	26-33
9.3 Racun Kumpulan C	34-39
10. Penafian	40
11. Rujukan	40-41

I. PENGHARGAAN

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja *Online Healthcare Services* (OHS) peringkat Program Perkhidmatan Farmasi 2020/2021 yang telah terlibat dalam memberikan sumbangan, buah fikiran, pengalaman, tenaga dan masa dalam usaha menghasilkan garis panduan iaitu:

Penasihat:

En. Roeslan bin Ishak

Pn. Saleha binti Abd Rahman @ Ngah

Editorial:

Pn. Norlida binti Abdul Rahman @ Othman

En. Mohd Syafiq bin Mod Zin

En. Faris Hanif bin Ahmad

Senarai Penyumbang:

Pn. Siti Mariaton binti Abd Moxsin

Pn. Asniza binti Alias

Pn. Nor Aza binti Hassan

Cik Siti Fauziah binti Abu

Cik Nursyila Roziana binti Mohd Radzi

Pn. Shafilliza binti Samsuri

En. Manzatul Azrul Azrie bin Sulaiman

Cik Siti Hufaidah binti Suhimi

Pn. Diana Tan Ai Hsin

En. Md. Faizul bin Kamaruddin

Pn. Syuhaida binti Mohd Yasin

Akhir sekali, penghargaan kepada **Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Program Perkhidmatan Farmasi** iaitu;

Pn. Norhaliza binti A. Halim

Serta semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan ini.

VISI PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

Meningkatkan kesihatan rakyat menerusi kecemerlangan dan amalan farmasi.

MISI PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

Menguatkuasakan undang-undang dan memperbaharui polisi untuk memastikan produk dan perkhidmatan farmaseutikal adalah berkualiti.

Memastikan sistem organisasi yang efektif dan responsif ke arah kelestarian perkhidmatan berkualiti.

Membina keupayaan dan profesionalisme menerusi pembangunan bakat dan pemerksaan tenaga kerja.

Memperhebat kerjasama ke arah mencapai piawaian dan amalan terbaik.

OBJEKTIF BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Memastikan penjualan, pembekalan, pemilikan dan pengiklanan substans, produk dan kosmetik mematuhi peruntukan undang-undang bagi melindungi rakyat.

1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi digital secara global telah mengubah cara perkhidmatan kesihatan masa kini termasuklah di Malaysia. Perkhidmatan kesihatan secara dalam talian semakin mendapat tempat di Malaysia dengan percambahan pelbagai platform di media baharu yang dapat diakses dengan mudah termasuklah perkhidmatan farmasi secara dalam talian (*e-pharmacy*). Proses penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal secara dalam talian ini adalah sebagai alternatif kepada pesakit atau pelanggan yang memerlukan perkhidmatan ini.

Semua penjualan atau pembekalan secara dalam talian produk farmaseutikal racun perlulah mematuhi peruntukan Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya serta Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

1.1 PERKHIDMATAN *E-PHARMACY*

Perkhidmatan *e-pharmacy* adalah sebahagian daripada perkhidmatan kesihatan secara dalam talian. Perkhidmatan *e-pharmacy* merujuk kepada perkhidmatan penjualan atau pembekalan runcit produk farmaseutikal racun secara dalam talian kepada pesakit. Perkhidmatan ini disampaikan secara maya (*virtual*), langsung (*live*) dan interaktif di antara ahli farmasi berlesen dan pesakit. Pesakit kemudiannya boleh memilih untuk penghantaran produk farmaseutikal racun ke lokasi pilihan mereka atau hadir ke premis farmasi yang telah dipilih untuk mengambil produk farmaseutikal racun mengikut kesesuaian pesakit.

Perkhidmatan *e-pharmacy* ini merangkumi tiga kaedah iaitu:

- i. Pembekalan produk farmaseutikal racun melalui e-preskripsi,
- ii. Pembekalan produk farmaseutikal racun melalui preskripsi fizikal, dan
- iii. Pembekalan racun kumpulan C tanpa melalui e-preskripsi.

Produk farmaseutikal racun ini dibekalkan oleh ahli farmasi berlesen dari premis farmasi yang dinyatakan dalam lesennya.

1.1.1 Perkhidmatan *E-Pharmacy* Bagi Pembekalan Produk Farmaseutikal Racun Melalui E-Preskripsi

Platform yang menghubungkan beberapa perkhidmatan kesihatan yang bermula dengan perkhidmatan konsultasi oleh pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar secara dalam talian. Pengamal-pengamal ini akan mengeluarkan e-preskripsi yang kemudiannya akan dihantar secara mesej elektronik melalui sistem perkhidmatan *e-pharmacy* untuk ahli farmasi berlesen membuat penjualan atau pembekalan ubat-ubatan yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 kepada pesakit. E-preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal-pengamal ini secara elektronik perlu ditandatangani secara digital dengan mematuhi Akta Tandatangan Digital 1997.

1.1.2 Perkhidmatan *E-Pharmacy* Bagi Pembekalan Produk Farmaseutikal Racun Melalui Preskripsi Fizikal

Platform yang menyediakan perkhidmatan penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal racun kepada pesakit berdasarkan preskripsi fizikal daripada pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar. Preskripsi fizikal akan dimuatnaik oleh pesakit ke dalam platform sebagai makluman awal kepada ahli

farmasi berlesen berhubung keperluan untuk penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal racun kepada pesakit. Walau bagaimanapun, pesakit masih perlu menghantar preskripsi fizikal yang telah dimuat naik kepada ahli farmasi berlesen sebelum pembekalan ubat dilakukan.

Platform ini hanya akan memproses preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar selaras dengan peruntukan di bawah Akta Racun 1952.

1.1.3 Perkhidmatan *E-Pharmacy* Bagi Pembekalan Racun Kumpulan C Tanpa Melalui E-Preskripsi

Platform yang menyediakan perkhidmatan penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal mengandungi racun Kumpulan C secara runcit oleh ahli farmasi berlesen kepada pesakit sebagai ubat dispens selaras dengan peruntukan Akta Racun 1952.

2.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah seperti berikut:

- a) Memberi panduan kepada ahli farmasi berlesen untuk menyediakan perkhidmatan *e-pharmacy* mengikut peruntukan undang-undang dan keperluan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Memberi panduan kepada penyedia platform untuk membangunkan/ menyediakan sistem supaya perkhidmatan *e-pharmacy* yang diberikan oleh ahli farmasi berlesen melalui sistem tersebut dapat dilaksanakan mengikut

peruntukan undang–undang dan keperluan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

- c) Menerangkan tanggungjawab ahli farmasi berlesen / penyedia platform yang terlibat dalam pengendalian perkhidmatan *e-pharmacy*.

3.0 SKOP

3.1 Garis panduan ini terpakai kepada ahli farmasi berlesen dan penyedia platform yang menyediakan perkhidmatan *e-pharmacy* bagi penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal racun **secara runcit**. Keperluan umum bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan secara dalam talian perlu merujuk kepada *Guideline for Online Healthcare Services under the Ministry of Health Regulatory Lab*.

3.2 Skop perkhidmatan *e-pharmacy* tidak membenarkan aktiviti penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal yang mengandungi bahan psikotropik di bawah Akta Racun 1952 atau dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

4.0 UNDANG-UNDANG, PEKELILING DAN GARIS PANDUAN YANG DIKUATKUASA

4.1 Setiap ahli farmasi berlesen dan penyedia platform yang menyediakan perkhidmatan *e-pharmacy* hendaklah memastikan ia dijalankan dengan mematuhi peruntukan undang-undang dan keperluan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.2 Undang-undang yang dikuatkuasakan: -

- Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Peraturan-peraturannya

- Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturannya

4.3 Pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

5.0 TERMINOLOGI

Ahli Farmasi Berlesen	Ahli farmasi yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan mempunyai Lesen Jenis A yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952.
<i>E-pharmacy</i>	Perkhidmatan penjualan atau pembekalan runcit produk farmaseutikal racun secara dalam talian kepada pesakit.
E-preskripsi	Preskripsi yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 oleh pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar secara elektronik dan ditandatangani secara digital dengan mematuhi Akta Tandatangan Digital 1997.
Elektronik	Teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnetik, elektromagnetik, biometrik, fotonik atau teknologi lain yang seumpamanya.
Iklan	Termasuk apa-apa notis, pekeliling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut atau dokumen lain dan apa-apa pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan apa-apa cara yang menghasilkan atau memancarkan cahaya atau bunyi seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.
Mesej Elektronik	Maklumat yang dihasilkan, dihantar, diterima atau disimpan secara elektronik.
Premis farmasi	Premis farmasi yang dikendalikan oleh ahli farmasi berlesen yang mempunyai Lesen Jenis A yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 untuk aktiviti runcit.
Preskripsi	Preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar bagi penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal racun oleh ahli farmasi berlesen kepada pesakit berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 21(2) dan 21(3) Akta Racun 1952. Nota:

	<p>Preskripsi yang telah dibekalkan dengan lengkap tidak boleh digunakan semula. Preskripsi yang telah dibekalkan dengan lengkap bermaksud pembekalan yang dilakukan selaras dengan arahan preskriber, sama ada dibekal sekali, dua atau maksimum 3 kali.</p> <p>Seksyen 21(2)(e) Akta Racun 1952 menetapkan preskriber perlu menyatakan kekerapan pembekalan ubat (tidak melebihi 3 kali) dan sekiranya kekerapan itu melebihi sekali, perlu menetapkan sela masa pembekalan tersebut.</p>
Preskriber	Pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar yang mengeluarkan preskripsi atau e-preskripsi.
Produk Farmaseutikal Racun	Keluaran yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang mengandungi Racun Kumpulan B atau Kumpulan C dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952.
Racun Kumpulan B	Racun yang disenaraikan di bawah Kumpulan B Jadual Pertama, Akta Racun 1952.
Racun Kumpulan C	Racun yang disenaraikan di bawah Kumpulan C Jadual Pertama, Akta Racun 1952.
Runcit	Pembekalan terus kepada pesakit untuk tujuan rawatan.
Sijil Tahunan	Sijil tahunan yang dikeluarkan di bawah Seksyen 16 Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.
Tandatangan Digital (<i>Digital Signature</i>)	Tandatangan yang dibuat mengikut keperluan di bawah Akta Tandatangan Digital 1997.
Platform	Platform berteknologi, aplikasi mudah alih, portal atau laman sesawang yang khusus dan selamat yang disediakan oleh penyedia platform, yang menyediakan akses pesakit kepada ahli farmasi berlesen dan mematuhi prasyarat yang dinyatakan dalam Bahagian 6 ;
Penyedia Platform	Syarikat yang menyediakan platform perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> .
Pesakit	Individu yang mendapatkan perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> dengan menggunakan platform yang disediakan.
Penjagaan Farmaseutikal	Tanggungjawab ahli farmasi terhadap penjagaan individu dalam mengoptimumkan penggunaan ubat-ubatan dan meningkatkan taraf kesihatan. (<i>Pharmaceutical Care: the Pharmaceutical Care Network Europe (PCNE) definition 2013</i>)
Pesakit Gangguan Mental	Individu yang diputuskan berada dalam keadaan tidak waras akal fikiran di bawah mana-mana undang-undang.

Pesakit Bawah Umur	Individu berumur di bawah 18 tahun.
Syarikat Penghantar	Syarikat yang menjalankan perkhidmatan penghantaran termasuk syarikat pos dan/atau kurier yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan penghantaran ubat kepada pesakit.

6.0 PRASYARAT KEPADA PENYEDIA PLATFORM *E-PHARMACY*

No.	Perkara	Keperluan
1.	Pendaftaran Perniagaan / Syarikat	Perniagaan / Syarikat mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
2.	Pendaftaran / Pelesenan	Penyedia platform yang menyediakan platform untuk perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> perlu memastikan perkhidmatan tersebut dikendalikan oleh Ahli Farmasi Berdaftar, memiliki Lesen Jenis A yang sah di bawah Akta Racun 1952 dan dikendalikan dari premis farmasi fizikal seperti yang dinyatakan dalam Lesen Jenis A.
3.	Kelayakan Pihak Pengurusan	Penyedia platform yang menyediakan platform untuk perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> perlu memastikan sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah atau pihak pengurusan tertinggi dianggotai oleh ahli farmasi berdaftar.
4.	Lokasi Perniagaan	Penyedia platform yang menyediakan platform untuk perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> perlu mempunyai premis perniagaan / syarikat fizikal yang berpangkalan dan beroperasi di Malaysia.
5.	Pengiklanan dan Promosi	<p>(a) Lembaga Iklan Ubat (LIU) tidak membenarkan produk farmaseutikal racun diiklankan di mana-mana media termasuklah perkhidmatan <i>e-pharmacy</i>.</p> <p>(b) Perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> tidak boleh mempamerkan nama / gambar atau apa-apa butiran yang merujuk kepada produk farmaseutikal racun yang membolehkan pelanggan / pesakit memilih sendiri produk farmaseutikal racun tanpa terlebih dahulu mendapatkan konsultasi daripada pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar atau ahli farmasi berlesen. Nama/ gambar atau apa-apa butiran yang merujuk kepada produk farmaseutikal racun boleh diperlihatkan atau dimaklumkan kepada pesakit/ pelanggan oleh ahli farmasi hanya bertujuan untuk kaunseling/ konsultasi ubat-ubatan sahaja.</p> <p>(c) Buat masa ini, LIU hanya memberikan pengecualian kepada produk yang mengandungi Nikotin (untuk terapi gantian</p>

No.	Perkara	Keperluan
		<p>Nikotin) dan <i>New Chemical Entity</i> (NCE) dengan syarat mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada LIU.</p> <p>(d) Penyiaran iklan produk farmaseutikal selain racun dan iklan perkhidmatan atau kemahiran kesihatan secara dalam talian perlu mematuhi Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan polisi serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Iklan Ubat.</p>

7.0 KEPERLUAN OPERASI PLATFORM

No.	Perkara	Keperluan
1.	Keperluan Minima Platform	<p>Platform mestilah memaparkan maklumat berikut dengan jelas dan terkini:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Nama syarikat atau perniagaan dan alamat lengkap premis ii. Nombor pendaftaran syarikat atau perniagaan iii. Senarai nama ahli farmasi berlesen di premis farmasi, nombor pendaftaran dan nombor Lesen Jenis A setiap ahli farmasi berlesen yang terlibat di premis farmasi. iv. Nombor telefon dan alamat e-mel ahli farmasi berlesen yang boleh dihubungi. v. Terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan. vi. Pernyataan '<i>Sila hubungi pengamal perubatan berdaftar atau ahli farmasi berlesen sekiranya mengalami simptom berterusan atau kesan sampingan terhadap ubat-ubatan</i>'. <p>(b) Paparan dan susunatur platform mestilah menunjukkan imej profesional farmasi dan mesra pengguna</p> <p>(c) Tidak dibenarkan mempunyai pautan kepada blog, media sosial dan aplikasi pesanan ringkas bagi tujuan penjualan atau pembekalan di luar sistem</p> <p>(d) Menggunakan domain serta <i>hosting</i> dari <i>server</i> tempatan sahaja</p>

No.	Perkara	Keperluan
2.	Syor Tambahan untuk Laman Sesawang Premis Farmasi	<p>(a) Disyorkan menggunakan domain 'pharmacy.my'. Domain ini mesti didaftarkan di bawah nama syarikat atau perniagaan yang mempunyai ahli farmasi berlesen.</p> <p>(b) Disyorkan memperoleh dan memaparkan Logo <i>Malaysia Trustmark®</i> di laman utama laman sesawang.</p>
3.	Sistem dan Keselamatan Sistem	<p>(a) Semua urusan perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> mestilah dilaksanakan di dalam sistem perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> sahaja</p> <p>(b) Sistem mestilah mempunyai fungsi untuk mendaftarkan pesakit sebagai pengguna.</p> <p>(c) Sistem mestilah mempunyai fungsi untuk pesakit berkomunikasi dengan pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar bagi sesi rawatan/ konsultasi dan juga dengan ahli farmasi berlesen mendapatkan maklumat lanjut/ kaunseling berkenaan produk farmaseutikal racun.</p> <p>(d) Sistem mestilah mempunyai fungsi untuk pesakit berkomunikasi dengan ahli farmasi berlesen untuk mendapatkan konsultasi/ kaunseling berkenaan produk farmaseutikal racun.</p> <p>(d) ID akses adalah khusus untuk seorang ahli farmasi berlesen. Sebarang perpindahan ID kepada ahli farmasi berlesen yang lain adalah tidak dibenarkan.</p> <p>(e) ID akses ahli farmasi berlesen yang tidak lagi berkhidmat di premis farmasi seperti dalam lesennya perlu dibatalkan.</p> <p>(f) Sistem perlu mewujudkan satu fungsi untuk membolehkan ahli farmasi berlesen membuat pengesahan (<i>endorsement</i>) ke atas setiap penjualan atau pembekalan yang telah dibuat ke atas e-preskripsi seperti keperluan subseksyen 21(4) Akta Racun 1952.</p> <p>(g) Penyedia platform perlu menyediakan pelan, proses dan perlindungan risiko untuk melindungi sistem platform daripada akses yang tidak sesuai, pencerobohan, penggodaman dan penyelewengan kepada platform.</p> <p>(h) Memastikan pengstoran dan penghantaran data adalah selamat dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sepatutnya.</p> <p>(i) Kebolehgunaan platform hendaklah sama ada pada aplikasi berasaskan web atau mudah alih mestilah sesuai dengan semua sistem pengoperasian yang membolehkan pesakit dan ahli farmasi berlesen mengakses platform daripada mana-mana</p>

No.	Perkara	Keperluan
		<p>telefon pintar, tablet, komputer peribadi atau mana-mana peranti komunikasi lain.</p> <p>(j) Sekiranya menggunakan perkhidmatan pihak ketiga, penyedia platform hendaklah memastikan bahawa sebarang perjanjian perkhidmatan yang dimeterai dengan <i>Web-hoster / Internet Service Provider</i> (ISP) tersebut hendaklah, sekurang-kurangnya meliputi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>service delivery</i> ii. kebolehcapaian dan ketersediaan perkhidmatan; iii. proses yang didokumenkan dan terbukti dapat menangani isu <i>downtime</i> yang dirancang dan tidak dirancang termasuk komunikasi dengan pelanggan; iv. remedi yang sesuai dan had liabiliti apabila isu perkhidmatan timbul; v. pemulihan bencana; vi. pemantauan dan pengukuran termasuk penyerahan laporan audit keselamatan vii. kehilangan data atau proses pemberitahuan pelanggaran keselamatan, viii. memastikan data yang disimpan di <i>server</i> mempunyai '<i>back up</i>' dan diserahkan kepada penyedia platform apabila perkhidmatan tamat. <p>(k) Penyedia platform mesti memastikan bahawa platform boleh diakses dan berprestasi pada tahap optimum pada setiap masa dengan masa gangguan perkhidmatan yang minima. Notis awal yang munasabah hendaklah diberikan kepada pengguna platform jika terdapat gangguan perkhidmatan.</p> <p>(l) Memastikan data peribadi yang disimpan di platform adalah tertakluk kepada hak kedaulatan data Malaysia dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010;</p>

8.0 KEPERLUAN DALAM PERKHIDMATAN *E-PHARMACY*

No.	Perkara	Pengesyoran
1.	Kelayakan Ahli Farmasi	Ahli Farmasi mestilah; <ul style="list-style-type: none"> i. berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia ii. mempunyai Sijil Tahunan pendaftaran ahli farmasi yang sah iii. memegang Lesen Jenis A yang sah
2.	Premis Farmasi	(a) Premis farmasi perlulah mempunyai ruang serta peralatan ICT yang sesuai, mencukupi dan selamat untuk sebarang transaksi dalam perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> . (b) Premis farmasi perlulah mempunyai kawalan akses kepada ruang peralatan ICT yang disediakan bagi tujuan perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> .
3.	Standard Penjagaan	Penggunaan teknologi untuk perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> mestilah tidak menjejaskan atau mengubah etika, profesional dan keperluan undang-undang dalam memberikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal oleh ahli farmasi berlesen. Oleh itu, ahli farmasi berlesen mestilah memastikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang optimum dan mengamalkan Amalan Pendispensan Baik. Ahli farmasi berlesen juga mesti mengamalkan Amalan Pengedaran Baik bagi memastikan keselamatan dan kualiti produk farmaseutikal terpelihara.
4.	Pewujudan Hubungan Pesakit-Ahli Farmasi (<i>Establishment of a patient-pharmacist relationship</i>)	Bagi setiap sesi perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> , ahli farmasi berlesen dikehendaki; <ul style="list-style-type: none"> i. memperkenalkan diri kepada pesakit dengan memaklumkan identiti dan tempat praktis, ii. mengambil langkah sewajarnya untuk mengesahkan identiti pesakit iii. menerangkan peranan ahli farmasi berlesen kepada pesakit iv. menerangkan limitasi dan risiko perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> v. mendapatkan pengesahan persetujuan pesakit untuk meneruskan sesi perkhidmatan <i>e-pharmacy</i>

No.	Perkara	Pengesyoran
5.	Kesesuaian perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> kepada pesakit	<p>(a) Ahli farmasi berlesen hendaklah menilai kesesuaian perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> sebelum memberikan perkhidmatan tersebut kepada pesakit</p> <p>(b) Ahli farmasi berlesen tidak boleh meneruskan sesi perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> dalam situasi berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> i. berdasarkan pertimbangan profesional ahli farmasi berlesen, pesakit memerlukan produk farmaseutikal racun yang tidak sesuai dikendalikan melalui perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> dan memerlukan sesi bersemuka secara fizikal ii. Pesakit bawah umur tanpa penjaga iii. Pesakit yang mengalami masalah gangguan mental tanpa penjaga iv. Sambungan Internet, keadaan prestasi peranti (sama ada milik ahli farmasi berlesen atau pesakit) atau sistem perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> terganggu atau merosot ke tahap di mana perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> tidak dapat disampaikan dengan sempurna v. Pesakit atau penjaga tidak dapat melibatkan diri secara efektif dalam sesi perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> atau yang mana persekitaran pesakit tidak membenarkan perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> dilaksanakan dengan sempurna <p>Dalam keadaan tersebut, ahli farmasi berlesen boleh memaklumkan kepada pesakit untuk menamatkan sesi tersebut dan mengaturkan satu sesi lain yang bersesuaian atau secara bersemuka.</p>
6.	Izin Maklum (<i>Informed Consent</i>)	Ahli farmasi berlesen mesti mematuhi semua etika dan undang-undang semasa memperolehi, menilai dan mengesahkan persetujuan pesakit yang sah dalam sesi perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> selaras dengan <i>Code of Ethics for Pharmacists 2018</i> .
7.	Komunikasi antara Ahli Farmasi Berlesen-Pesakit	<p>(a) Semua komunikasi antara ahli farmasi berlesen dan pesakit dalam memberikan perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> mestilah dilakukan melalui sistem perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> sahaja (seperti video, chat atau mesej) untuk memastikan interaksi yang selamat</p> <p>(b) Sebarang permintaan oleh pesakit untuk berkomunikasi melalui panggilan telefon atau apa-apa saluran di luar sistem (seperti Whatsapp, Telegram, Facebook Messenger dan lain-lain) hendaklah ditolak.</p>

No.	Perkara	Pengesyoran
8.	Pengendalian, Pembungkusan, Pelabelan dan Penghantaran	<p>(a) Pengendalian dan penyimpanan produk farmaseutikal sepanjang proses penghantaran perlu dikendalikan selari dengan maklumat penyimpanan yang dinyatakan dalam label setiap produk bagi memastikan kualiti produk adalah terjamin.</p> <p>(b) Pembungkusan produk farmaseutikal racun perlu dipastikan bersesuaian bagi menjamin kualiti produk.</p> <p>(c) Label produk farmaseutikal racun yang akan dibuat pembekalan kepada pesakit/ pelanggan perlu berdasarkan Peraturan 12 Peraturan-peraturan Racun 1952.</p> <p>(d) Semua penghantaran produk farmaseutikal racun mestilah dilakukan berdasarkan Garis Panduan Perkhidmatan Penghantaran Ubat-ubatan oleh Ahli Farmasi Berlesen Kepada Pesakit 2021 yang boleh dimuat turun dari laman sesawang www.pharmacy.gov.my.</p>
9.	Dokumentasi	<p>(a) Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lengkap meliputi tatacara:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pendaftaran dan verifikasi pengamal perubatan berdaftar/ pengamal pergigian berdaftar/ ahli farmasi berlesen yang akan terlibat dalam sistem. ii. Pendaftaran pesakit ke dalam sistem. iii. Proses penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal racun secara dalam talian melalui sistem tersebut bermula dari sesi konsultasi sehingga proses akhir pembekalan/ penghantaran kepada pesakit. SOP juga termasuk aspek tandatangan preskriber yang mematuhi Akta Tandatangan Digital 1997 dan <i>endorsement</i> penjualan atau pembekalan oleh ahli farmasi berlesen yang mematuhi Akta Racun 1952. iv. Pengendalian aduan yang berkait dengan penjualan atau pembekalan secara dalam talian melibatkan aspek kualiti produk atau masalah sistem. v. Tindakan yang diambil sekiranya terdapat kesilapan dalam penjualan atau pembekalan racun secara dalam talian kepada pesakit. <p>(b) Dokumen kontrak dengan pihak ketiga yang dilantik atau penyedia sistem.</p>
10.	Rekod	<p>(a) Ahli farmasi berlesen mesti mematuhi keperluan rekod seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Racun 1952 dan peraturan-peraturannya dan</p>

No.	Perkara	Pengesyoran
		<p>bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pangkalan data yang mengandungi rekod pembekalan, data pembeli dan e-preskripsi boleh diakses oleh Pegawai Penguat kuasa Farmasi KKM untuk tujuan pemeriksaan pada bila-bila masa diperlukan. ii. Rekod bagi penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal racun yang dibuat melalui sistem perlu dicetak untuk memenuhi keperluan Buku Preksripsi di bawah seksyen 24 Akta Racun 1952. iii. Semua rekod penjualan atau pembekalan hendaklah disimpan selama dua (2) tahun dari tarikh akhir pembekalan. iv. Rekod elektronik termasuk maklumat pesakit/pelanggan dipelihara dengan selamat seperti ditetapkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. <p>(b) Penyedia platform bertanggungjawab untuk memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan sebagaimana di atas.</p>
11.	Kerahsiaan, Privasi dan Keselamatan Maklumat Pesakit	<ul style="list-style-type: none"> (a) Ahli farmasi berlesen / Penyedia Platform bertanggungjawab untuk sentiasa menjaga kerahsiaan maklumat pesakit dan mengambil langkah-langkah yang efektif untuk melindungi maklumat pesakit dan maklumat rawatan bagi mengelakkan pendedahan maklumat pesakit. (b) Ahli farmasi berlesen mestilah memastikan sesi perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> dilaksanakan di lokasi yang bersesuaian bagi memastikan kerahsiaan dan privasi maklumat pesakit dipelihara. (c) Ahli farmasi berlesen / penyedia platform boleh mendedahkan maklumat pesakit dalam keadaan berikut; <ul style="list-style-type: none"> i. sekiranya diperlukan berdasarkan undang-undang atau ii. dengan kebenaran pesakit (atau penjaga yang diberi kuasa oleh pesakit)
12.	Pematuhan kepada Undang-undang	Ahli farmasi berlesen dan penyedia platform mestilah mematuhi semua peruntukan undang-undang,

No.	Perkara	Pengesyoran
		peraturan, polisi dan garis panduan yang berkaitan dalam menjalankan perkhidmatan <i>e-pharmacy</i> .
13.	Audit	Audit dalaman disyorkan untuk dijalankan termasuk kepada pihak ketiga yang dilantik untuk memantau pelaksanaan keseluruhan penjualan produk farmaseutikal racun secara dalam talian bagi memastikan keperluan dan juga SOP yang ditetapkan.
14.	Perlindungan Profesional	Ahli farmasi berlesen disyorkan untuk mempunyai insurans dan perlindungan liabiliti yang sesuai untuk memberikan perlindungan daripada sebarang tindakan akibat daripada kecuiaan.

9.0 PROSES KERJA, TANGGUNGJAWAB dan CARTA ALIR

9.1 Perkhidmatan E-Pharmacy Bagi Pembekalan Produk Farmaseutikal Racun Melalui E-Preskripsi

9.1.1 Proses Kerja Dan Tanggungjawab


Bil	Proses Kerja	Pihak yang Bertanggungjawab	Catatan
1.0	Pengeluaran e-Preskripsi		
1.1	Pengeluaran e-preskripsi oleh pengamal perubatan/pergigian berdaftar i) Maklumkan pengeluaran e-preskripsi kepada pesakit ii) Pesakit memilih premis farmasi iii) Hantar e-preskripsi secara mesej elektronik melalui sistem kepada premis farmasi yang telah dipilih	Pengamal Perubatan/Pergigian Berdaftar Penyedia Platform Pesakit Penyedia Platform	Maklumat preskripsi mematuhi Seksyen 21 (2) Akta Racun 1952 Tandatangan preskriber mematuhi Akta Tandatangan Digital 1997 Ahli farmasi berlesen dengan Lesen Jenis A di bawah Akta Racun 1952 (transaksi runcit)
2.0	Penerimaan e-Preskripsi		
2.1	Terima dan saring e-preskripsi i) Sekiranya e-preskripsi lengkap sila ke 3.0	Ahli Farmasi Berlesen	Maklumat preskripsi mematuhi Seksyen 21 (2) Akta Racun 1952


Bil	Proses Kerja	Pihak yang Bertanggungjawab	Catatan
	ii) Sekiranya e-preskripsi tidak lengkap dan perlukan intervensi rujuk kepada preskriber iii) sekiranya preskripsi memerlukan intervensi dari segi dos dan sebagainya, hubungi preskriber utk mengeluarkan preskripsi baru yang telah dipinda		
3.0	Penyediaan Ubat		
3.1	Hubungi pesakit; a) Jalankan sesi kaunseling (jika perlu Nota Nasihat disediakan kepada pesakit) b) Pastikan pesakit memilih kaedah penerimaan ubat (<i>delivery</i> atau <i>self-collect</i>), dan tarikh pengambilan ubat sekiranya <i>self-collect</i>	Ahli Farmasi Berlesen	Garis Panduan Pelaksanaan Kaunseling Ubat-ubatan secara Maya/Virtual 2021
3.2	Sediakan dan labelkan ubat	Ahli Farmasi Berlesen	Pelabelan perlu mematuhi Peraturan 12 Peraturan-peraturan Racun 1952
3.3	Bungkus ubat untuk pembekalan	Ahli Farmasi Berlesen / Staf Farmasi	Pembungkusan ubat yang bersesuaian bagi memastikan kualiti (i.e <i>bubble wrap</i> , <i>cold chain</i>) dan keselamatan (i.e <i>seal</i> / lak rasmi) ubat terjamin sepanjang proses penghantaran Dokumen lain berkaitan untuk dimuatkan dalam bungkusan ubat (Nota Nasihat, <i>Delivery Order</i> , Resit Bayaran) Bagi ubat yang memerlukan penyimpanan khas

Bil	Proses Kerja	Pihak yang Bertanggungjawab	Catatan
			(contoh <i>cold box</i> untuk ubat rangkaian sejuk) perlu merujuk Garis Panduan Amalan Penedaran Baik
4.0	Sekiranya Pengambilan Ubat oleh Pesakit di Premis Farmasi		
4.1	Maklumkan pesakit (melalui notifikasi sistem, telefon dan lain-lain) bahawa ubat telah sedia untuk diambil.	Penyedia Platform	
4.2	Penyerahan ubat kepada pesakit	Ahli Farmasi Berlesen	Pembekalan ubat perlu mematuhi Seksyen 21 dan 22 Akta Racun 1952.
4.3	<i>Endorse</i> preskripsi dalam sistem bagi pembekalan ubat yang dibuat	Ahli Farmasi Berlesen	<i>Endorsement</i> seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21(4) Akta Racun 1952.
4.4	Rekod maklumat pembekalan ubat dalam buku preskripsi selepas ubat dibekalkan	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi Seksyen 24 Akta Racun 1952.
5.0	Sekiranya Penghantaran Ubat kepada Pesakit		
5.1	Maklumkan pesakit (melalui notifikasi sistem, telefon, dll) bahawa ubat akan dihantar	Penyedia Platform	
5.2	<i>Endorse</i> preskripsi dalam sistem bagi pembekalan ubat yang dibuat	Ahli Farmasi Berlesen	<i>Endorsement</i> seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21(4) Akta Racun 1952.
5.3	Serah bungkusan ubat secara serahan sendiri atau melalui syarikat penghantar.	Ahli Farmasi Berlesen / Staf Farmasi	Perlu mematuhi Garis Panduan Perkhidmatan Penghantaran Ubat-ubatan oleh Ahli Farmasi Berlesen Berlesen.
5.4	Rekod maklumat pembekalan ubat dalam buku preskripsi	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi Seksyen 24 Akta Racun 1952.
5.5	Semak dengan pesakit berkenaan status penerimaan ubat a) Sekiranya ubat berjaya diterima oleh pesakit, Ahli Farmasi Berlesen	Ahli Farmasi Berlesen	

Bil	Proses Kerja	Pihak yang Bertanggungjawab	Catatan
	kemaskini status terima berjaya dalam sistem ATAU b) Sekiranya ubat tidak diterima, semak dengan syarikat penghantar dan uruskan penghantaran semula sehingga ubat berjaya diterima oleh pesakit		
5.6	Jika ubat masih gagal diserahkan kepada pesakit, <ul style="list-style-type: none"> • pastikan ubat diterima semula • batalkan rekod dalam buku preskripsi 	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi Seksyen 24 Akta Racun 1952.

9.1.2 Carta Alir





9.2 Perkhidmatan *E-Pharmacy* Bagi Pembekalan Produk Farmaseutikal Racun Melalui Preskripsi Fizikal

9.2.1 Proses Kerja Dan Tanggungjawab

Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
1.0	Rawatan di Klinik/Hospital Swasta		
1.1	Pesakit menerima preskripsi fizikal daripada pengamal perubatan / pergigian berdaftar yang memberi rawatan.	Pesakit	Preskripsi fizikal
2.0	Pendaftaran di Platform		
2.1	<p>Pastikan maklumat pesakit didaftarkan di dalam sistem</p> <p>Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nama seperti dalam kad pengenalan/passport 2. Nombor kad pengenalan/passport (dokumen identiti perlu dimuat naik) 3. Alamat Terkini 4. Nombor Telefon 5. E-mel 	Penyedia Platform	Maklumat pesakit
3	Memuat Naik Preskripsi		
3.1	Memuat naik preskripsi ke dalam sistem <i>e-pharmacy</i>	Pesakit	Maklumat preskripsi yang dimuat naik
4.0	Kesahihan Maklumat Preskripsi		
4.1	<p>Menyaring kesahihan preskripsi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semak kesahihan preskriber dan pesakit • Semak butiran preskripsi • Jalankan intervensi dengan preskriber (jika perlu) 	Ahli Farmasi Berlesen	<p>Maklumat preskripsi yang dimuat naik</p> <p>Seksyen 21 Akta Racun 1952</p>
4.2	<p>Sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ubat yang diperlukan tiada dalam stok, hantar notifikasi 	Ahli Farmasi Berlesen	

Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
	<p>kepada pesakit dan tamatkan transaksi</p> <ul style="list-style-type: none"> Maklumat dalam preskripsi yang dimuat naik adalah sah, teruskan dengan perkara 5 Maklumat dalam preskripsi yang dimuat naik diragui, hantar notifikasi kepada pesakit dan tamatkan transaksi. 		
5.0	Kaedah Penghantaran Preskripsi		
5.1	<p>Pastikan pesakit boleh memilih kaedah penghantaran preskripsi yang disenaraikan di dalam sistem sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penghantaran preskripsi sahaja (sehal) Penghantaran preskripsi dan penerimaan ubat (dua hala) 	Penyedia Platform	
5.2	Pesakit menyerahkan preskripsi fizikal kepada syarikat penghantaran.	Syarikat Penghantaran	
6.0	Penerimaan Preskripsi Fizikal		
6.1	Terima preskripsi fizikal.	Ahli Farmasi Berlesen	Preskripsi fizikal
6.2	<p>Bandingkan preskripsi fizikal yang diterima dengan preskripsi yang dimuat naik di dalam sistem.</p> <p>Sekiranya;</p> <ul style="list-style-type: none"> Preskripsi fizikal sama dengan preskripsi yang dimuat naik, teruskan ke perkara 7. Preskripsi fizikal tidak sama dengan preskripsi yang dimuat naik teruskan ke perkara 11. 	Ahli Farmasi Berlesen	<p>Preskripsi fizikal</p> <p>Maklumat preskripsi yang dimuat naik</p>
7.0	Komunikasi dengan Pesakit		
7.1	Hubungi pesakit;	Ahli Farmasi Berlesen	Garis Panduan Pelaksanaan Kaunseling


Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
	<p>a) Pemakluman penerimaan preskripsi daripada pesakit dan disahkan</p> <p>b) Jalankan sesi kaunseling (jika perlu Nota Nasihat disediakan kepada pesakit)</p>		Ubat-ubatan secara Maya/Virtual 2021
7.2	Pastikan pesakit memilih kaedah penerimaan ubat (<i>delivery</i> atau <i>self-collect</i>), dan tarikh pengambilan ubat sekiranya <i>self-collect</i>	Penyedia Platform	
8.0	Penyediaan Ubat		
8.1	Sediakan dan labelkan ubat	Ahli Farmasi Berlesen	Pelabelan perlu mematuhi Peraturan 12 Peraturan-peraturan Racun 1952
8.2	Bungkus ubat untuk pembekalan	Ahli Farmasi Berlesen / Staf Farmasi	<p>Pembungkusan ubat yang bersesuaian bagi memastikan kualiti (i.e <i>bubble wrap</i>, <i>cold chain</i>) dan keselamatan (i.e <i>seal</i> / lak rasmi) ubat terjamin sepanjang proses penghantaran</p> <p>Dokumen lain berkaitan untuk dimuatkan dalam bungkusan ubat (Nota Nasihat, DO, Resit Bayaran)</p> <p>Bagi ubat yang memerlukan penyimpanan khas (contoh <i>cold box</i> untuk ubat rangkaian sejuk) perlu merujuk Garis Panduan Amalan Pengedaran Baik</p>
9.0	Sekiranya Pengambilan Ubat oleh Pesakit di Premis Farmasi		
9.1	Maklumkan pesakit (melalui notifikasi sistem, telefon, dll) bahawa ubat telah sedia untuk diambil.	Penyedia Platform	


Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
9.2	Penyerahan ubat kepada pesakit	Ahli Farmasi Berlesen	Pembekalan ubat perlu mematuhi Seksyen 21 dan Seksyen 22 Akta Racun 1952.
9.3	<i>Endorse</i> preskripsi fizikal bagi pembekalan ubat yang dibuat	Ahli Farmasi Berlesen	<i>Endorsement</i> seperti yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 21(4) Akta Racun 1952.
9.4	Rekod maklumat pembekalan ubat dalam buku preskripsi selepas ubat dibekalkan	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi Seksyen 24 Akta Racun 1952.
10.0	Sekiranya Penghantaran Ubat kepada Pesakit		
10.1	Maklumkan pesakit (melalui notifikasi sistem, telefon, dll) bahawa ubat akan dihantar	Penyedia Platform	
10.2	<i>Endorse</i> preskripsi fizikal bagi pembekalan ubat yang dibuat	Ahli Farmasi Berlesen	<i>Endorsement</i> seperti yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 21(4) Akta Racun 1952.
10.3	Serah bungkusan ubat secara serahan sendiri atau melalui syarikat penghantar.	Ahli Farmasi Berlesen / Staf Farmasi	Perlu mematuhi Garis Panduan Perkhidmatan Penghantaran Ubat-ubatan oleh Ahli Farmasi Berlesen Berlesen.
10.4	Rekod maklumat pembekalan ubat dalam buku preskripsi	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi Seksyen 24 Akta Racun 1952.
10.5	Semak dengan pesakit berkenaan status penerimaan ubat a) Sekiranya ubat berjaya diterima oleh pesakit, ahli farmasi berlesen kemaskini status terima berjaya dalam sistem ATAU b) Sekiranya ubat tidak diterima, semak dengan syarikat penghantar dan	Ahli Farmasi Berlesen	

Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
	uruskan penghantaran semula sehingga ubat berjaya diterima oleh pesakit		
10.6	Jika ubat masih gagal diserahkan kepada pesakit, <ul style="list-style-type: none"> • pastikan ubat diterima semula • batalkan rekod dalam buku preskripsi 	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi Seksyen 24 Akta Racun 1952.
11.0	Sekiranya Preskripsi Fizikal Tidak Sama dengan Preskripsi yang Dimuat naik		
11.1	Hubungi pesakit untuk pengesahan maklumat Sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> • Preskripsi fizikal adalah preskripsi yang betul, rujuk perkara 12 • Preskripsi fizikal adalah preskripsi yang salah, rujuk perkara 13 	Ahli Farmasi Berlesen	
12.0	Preskripsi Fizikal adalah Preskripsi yang Betul		
12.1	Menyaring kesahihan preskripsi <ul style="list-style-type: none"> • Semak kesahihan preskriber dan pesakit • Semak butiran preskripsi • Jalankan intervensi dengan preskriber (jika perlu) 	Ahli Farmasi Berlesen	Maklumat preskripsi fizikal Seksyen 21 Akta Racun 1952
12.2	Ahli farmasi berlesen memuat naik semula preskripsi baru yang betul (dengan persetujuan pesakit) tanpa menghapuskan (<i>overwrite</i>) preskripsi lama.	Ahli Farmasi Berlesen	Maklumat preskripsi yang dimuat naik
12.3	Rujuk perkara 7-10		
13.0	Preskripsi Fizikal adalah Preskripsi yang Salah		
13.1	Tolak permohonan dan tamatkan transaksi. <u>Nota:</u>	Ahli Farmasi Berlesen	Pembekalan hanya dibuat berdasarkan preskripsi fizikal yang betul

Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
	Ahli farmasi berlesen boleh menghubungi pesakit mengenai status preskripsi yang telah dihantar sama ada untuk dilupuskan atau dipulangkan semula.		

9.2.2 Carta Alir





9.3 Perkhidmatan *E-Pharmacy* Bagi Pembekalan Racun Kumpulan C Tanpa Melalui E-Preskripsi

Prasyarat Penjualan atau Pembekalan Ubat Mengandungi Racun Kumpulan C

1. Penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal racun Kumpulan C secara runcit oleh ahli farmasi berlesen hanya dibenarkan sebagai ubat dispens berdasarkan peruntukan Seksyen 22 Akta Racun 1952. Definisi '*dispensed medicine*' adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Akta Racun 1952.
2. Ahli farmasi berlesen perlu mempunyai mekanisma untuk memastikan penjualan atau pembekalan produk farmaseutikal mengandungi racun Kumpulan C diberi kepada pesakit yang sah dan bagi tujuan rawatan dengan mengambil kira tiada pertemuan bersemuka secara fizikal dengan pesakit.
3. Lembaga Iklan Ubat (LIU) tidak membenarkan Racun seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952 diiklankan di mana-mana media termasuk dalam talian. Buat masa ini, LIU hanya memberikan pengecualian kepada produk yang mengandungi Nikotin (untuk terapi gantian Nikotin) dan *New Chemical Entity* (NCE) dengan syarat mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada LIU.


9.3.1 Proses Kerja Dan Tanggungjawab


Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
1.0	Pendaftaran Pesakit di Platform		
1.1	<p>Pastikan maklumat pesakit didaftarkan di dalam sistem</p> <p>Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nama seperti dalam kad pengenalan/passport 2. Nombor kad pengenalan/passport (dokumen identiti perlu dimuat naik) 3. Alamat Terkini 4. Nombor Telefon 5. E-mel 	Penyedia Platform	Maklumat pesakit
1.2	Menghubungkan pesakit dengan ahli farmasi berlesen.	Penyedia Platform	Nama ahli farmasi berlesen, nama & alamat premis farmasi
1.3	Berkomunikasi dengan pesakit secara langsung melalui sistem dan sahkan maklumat pesakit.	Ahli Farmasi Berlesen	Maklumat komunikasi
1.4	Maklumkan kepada pesakit tentang ubatan yang sesuai dan jalankan sesi kaunseling	Ahli Farmasi Berlesen	Nama ubat dan dos pengambilan.
1.5	Pastikan pesakit memilih kaedah penerimaan ubat (<i>delivery</i> atau <i>self-collect</i>), dan tarikh pengambilan ubat sekiranya <i>self-collect</i>	Penyedia Platform	
2.0	Penyediaan Ubat		
2.1	Sediakan dan labelkan ubat	Ahli Farmasi Berlesen	Pelabelan perlu mematuhi Peraturan 12 Peraturan-peraturan Racun 1952
2.2	Bungkus ubat untuk pembekalan	Ahli Farmasi Berlesen / Staf Farmasi	Pembungkusan ubat yang bersesuaian bagi memastikan kualiti (i.e <i>bubble wrap, cold chain</i>)

Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
			<p>dan keselamatan (i.e seal / lak rasmi) ubat terjamin sepanjang proses penghantaran</p> <p>Dokumen lain berkaitan untuk dimuatkan dalam bungkusan ubat (Nota Nasihat, DO, Resit Bayaran)</p> <p>Bagi ubat yang memerlukan penyimpanan khas (contoh <i>cold box</i> untuk ubat rangkaian sejuk) perlu merujuk Garis Panduan Amalan Pengedaran Baik</p>
3.0	Sekiranya Pengambilan Ubat oleh Pesakit di Premis Farmasi		
3.1	Maklumkan pesakit (melalui notifikasi sistem, telefon, dll) bahawa ubat telah sedia untuk diambil.	Penyedia Platform	
3.2	Penyerahan ubat kepada pesakit	Ahli Farmasi Berlesen	Pembekalan ubat perlu mematuhi Seksyen 22 Akta Racun 1952.
3.3	Rekod maklumat pembekalan ubat dalam buku preskripsi selepas ubat dibekalkan	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi Seksyen 24 Akta Racun 1952.
4.0	Sekiranya Penghantaran Ubat kepada Pesakit		
4.1	Maklumkan pesakit (melalui notifikasi sistem, telefon, dll) bahawa ubat akan dihantar	Penyedia Platform	
4.2	Serah bungkusan ubat secara serahan sendiri atau melalui syarikat penghantar.	Ahli Farmasi Berlesen / Staf Farmasi	Perlu mematuhi GP Perkhidmatan Penghantaran Ubat-ubatan

Bil	Proses Kerja	Individu yang Bertanggungjawab	Catatan
			oleh Ahli Farmasi Berlesen Berlesen.
4.3	Rekod maklumat pembekalan ubat dalam buku preskripsi	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi seksyen 24 Akta Racun 1952.
4.4	<p>Semak dengan pesakit berkenaan status penerimaan ubat</p> <p>a) Sekiranya ubat berjaya diterima oleh pesakit, ahli farmasi berlesen kemaskini status terima berjaya dalam sistem</p> <p>ATAU</p> <p>b) Sekiranya ubat tidak diterima, semak dengan syarikat penghantar dan uruskan penghantaran semula sehingga ubat berjaya diterima oleh pesakit</p>	Ahli Farmasi Berlesen	
4.5	<p>Jika ubat masih gagal diserahkan kepada pesakit,</p> <ul style="list-style-type: none"> • pastikan ubat diterima semula • batalkan rekod dalam buku preskripsi 	Ahli Farmasi Berlesen	Perekodan perlu mematuhi seksyen 24 Akta Racun 1952.

9.3.2 Carta Alir





10.0 PENAFIAN

Sebarang keperluan yang ditetapkan dalam garis panduan ini tidak mengecualikan daripada keperluan untuk mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang lain yang dikuatkuasakan.

11.0 RUJUKAN

1. Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
2. Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya
3. Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya
4. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturannya
5. *Code of Ethics for Pharmacist* 2018
6. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
7. Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan-peraturannya
8. Akta Perkhidmatan Pos 2012
9. Garis Panduan Amalan Pengeedaran Baik, Edisi ke-3, 2018
10. Garis Panduan Pengiklanan Ubat dan Produk Perkhidmatan Kepada Orang Awam 2021 (<https://www.pharmacy.gov.my/v2/sites/default/files/document-upload/garis-panduan-pengiklanan-ubat-produk-perubatan-orang-awam-pinda-mab-1-2021.pdf>)
11. Garis Panduan Perkhidmatan Penghantaran Ubat oleh Ahli Farmasi Berlesen kepada Pesakit 2021 (<https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/garis-panduan-perkhidmatan-penghantaran-ubat-ahli-farmasi-berlesen-pesakit.html>)
12. Garis Panduan Pelaksanaan Kaunseling Ubat-ubatan Secara Maya/Virtual 2021 (<https://www.pharmacy.gov.my/v2/en/documents/garis-panduan-pelaksanaan-kaunseling-ubat-ubatan-secara-maya-virtual.html>)
13. Garis Panduan Penjualan Produk Farmaseutikal Bukan Racun dalam Talian 2020 (<https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/garis-panduan-penjualan-produk-farmaseutikal-bukan-racun-secara-dalam-talian.html>)

14. Panduan Pengiklanan untuk Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan (<https://www.pharmacy.gov.my/v2/sites/default/files/document-upload/garis-panduan-pengiklanan-kemudahan-perkhidmatan-penjagaan-kesihatan.pdf>)
15. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna Urusniaga Perdagangan Elektronik 2012 (Peraturan 3)
16. *E-Pharmacy*, Health Sciences Authority, Singapore, 2020
17. *Guidance for registered pharmacies providing pharmacy services at a distance, including on the internet* by GPhC, 2019
18. *Standards and Guidance for Internet Pharmacy Services in Northern Ireland*, Pharmaceutical Society of Northern Ireland, 2016
19. *Guidelines for Governments on Preventing the Illegal Sale of Internationally Controlled Substances through the Internet*, United Nation 2009